

## Proton e.MAS 7 Menjalani Ujian Intensif untuk Menyempurnakan EV Nasional Malaysia

*Proton e.MAS 7 Menyerlah dalam Ujian Intensif Tempatan dengan Ketahanan yang telah Dipertingkatkan dan Ciri-ciri yang Disesuaikan untuk Jalan Raya Malaysia, Merangkumi Pelbagai Ujian Utama seperti DAT, ERT, ADAS, dan QRT*

**SUBANG JAYA, 13 September 2024** – Selepas pengenalan kenderaan elektrik nasional pertama dan penampilan sulung pada sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Putrajaya yang lalu, PRO-NET telah menyatakan keyakinannya mengenai ujian jalan raya tempatan yang sedang dijalankan untuk Proton e.MAS 7. SUV segmen-C ini dilengkapi dengan platform *Global Modular Architecture* (GMA), sistem pendorong elektrik pintar 12-dalam-1 yang terkini, seni bina bateri *Cell-To-Body*, dan Sistem Penghubung *Flyme Auto* yang inovatif telah menunjukkan hasil yang sangat memberangsangkan dalam fasa ujian tempatan kali ini.

### Ujian Tempatan Inovatif untuk Membentuk EV Nasional Malaysia

PRO-NET telah melancarkan fasa ujian intensif dengan enam unit Proton e.MAS 7 yang dipandu oleh jurutera pakar Proton merentasi setiap pelusuk di Semenanjung Malaysia. Fasa yang terperinci ini penting dalam memastikan kenderaan memenuhi keperluan persekitaran yang khusus di Malaysia dan mengesahkan ketahanan, kebolehsuaian, serta kesesuaiannya dengan permintaan pasaran tempatan. Ujian lasak ini merangkumi Ujian Ketahanan Adaptif (DAT), Ujian Jalanan Elektrikal (ERT), Ujian Sistem Bantuan Pemandu (ADAS), dan Ujian Kebolehpercayaan Kualiti (QRT), serta penambahbaikan yang berterusan pada sistem navigasi, *Digital Head Unit* (DHU), dan Penyedia Sistem Telematik (TSP).

Setakat ini, jurutera Proton telah menjalankan simulasi DAT yang dapat membaca faktor persekitaran dan corak lalu lintas unik di Malaysia. Sistem navigasi dalam kereta telah diperinci dengan teliti untuk menggambarkan peta jalan raya Malaysia dengan tepat dan mengoptimumkan penangkapan frekuensi radio untuk stesen tempatan, memfokuskan laluan luar bandar, kawasan pergunungan, serta stesen kereta api untuk menguji sambungan rangkaian internet. Sistem elektrik ini disasarkan untuk melengkapkan ujian jalan sejauh 10,000 km semasa Ujian ERT dijalankan untuk memastikan integrasi kesemua fungsi elektronik berjalan dengan lebih lancar manakala sistem ADAS telah diuji dengan teliti dalam pelbagai situasi seperti tempat letak kereta di pusat membeli-belah, di simpang jalan dan di jalan bertingkat.

Jurutera Proton juga telah menyesuaikan komponen perisian utama, memastikan sistem DHU dapat menterjemah bahasa asal pasaran China ke dalam Bahasa Inggeris Malaysia dengan tepat dan disesuaikan dengan tetapan tempatan, bukan hanya sekadar bergantung pada terjemahan umum. Usaha kolaborasi antara PROTON dan Geely ini membuktikan bahawa Proton e.MAS 7 bukan sekadar kenderaan yang ditukar jenama, tetapi merupakan kenderaan yang benar-benar berjiwa Malaysia.

Ujian ketahanan kenderaan termasuk penyelesaian masalah dan pemeriksaan sistem yang ketat, PRO-NET akan memastikan daya ketahanan kenderaan mengikuti spesifikasi tempatan. Jurutera kami telah melaksanakan 49 proses tambahan ciri unik daripada Geely untuk memastikan Proton e.MAS 7 memenuhi piawaian tertinggi di peringkat tempatan dan global. Ujian ini merangkumi segala aspek dari prestasi beban kenderaan sehingga ke kawalan kestabilan elektronik dan kebolehan meredah air yang telah dipertingkatkan — di mana hasil ujian Proton e.MAS 7 melepasi Geely Galaxy E5 dengan kedalaman paras air 400mm bagi menangani situasi banjir. Ujian ini dijalankan pada bulan Julai dengan kedalaman air yang telah ditetapkan termasuk dengan ujian bonggol jalan untuk menggambarkan keadaan sebenar jalan raya di Malaysia. Satu isu ditemui dan diperbaiki selepas ujian tersebut dijalankan.

Proton e.MAS 7 akan menjalani akreditasi ASEAN NCAP, yang direka untuk menguji ketahanan kenderaan sehingga ke hadnya dan memastikan tahap keselamatan tertinggi untuk para penumpang. Selain itu, ia juga akan melalui QRT untuk mencapai 100,000 km dalam ujian pecutan, prestasi brek dan penggunaan kuasa. Disamping itu, ujian perisian juga menjadi fokus utama jurutera Proton. Ujian-ujian ini mencerminkan dedikasi jurutera Proton dalam menonjolkan penglibatan tempatan yang signifikan daripada PROTON dan PRO-NET. Proton e.MAS 7 bukan sekadar model global biasa, ia juga direka dengan teliti untuk memenuhi dan melangkaui jangkaan pemandu-pemandu Malaysia.

### **Teruskan untuk melihat Proton e.MAS 7 di jalan raya**

Seiring dengan perkembangan ujian kami, anda akan berpeluang untuk melihat kenderaan ini di jalan raya. Perhatikan di sekitar kawasan anda ketika kami membawa mobiliti lestari ke jalan raya Malaysia.

"Saya teruja melihat Proton e.MAS 7 memulakan fasa penting ujian tempatan ini. Ini menandakan langkah besar ke arah penghasilan kenderaan yang bukan sahaja mewakili kemajuan teknologi, tetapi juga menunjukkan komitmen kami dalam memenuhi keperluan khusus pasaran di Malaysia. Pasukan kami berdedikasi dalam memastikan Proton e.MAS 7 memenuhi piawaian tertinggi dalam kualiti dan kebolehpercayaan, seterusnya membuka jalan untuk pelancarannya yang gemilang," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Ikuti laman [web](#) Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" di [Facebook](#) dan [Xiaohongshu](#), serta "@protonemasofficial" di [Instagram](#) dan [TikTok](#) untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai berita dan perkembangan dari Proton e.MAS. Sertai kami dan jadilah sebahagian daripada revolusi dalam industri automotif.

-End-

### **Menegani Proton New Energy Technology Sdn Bhd**

Ditubuhkan pada 16 Ogos 2022, PRO-NET adalah anak syarikat milik penuh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd. PRO-NET merupakan pengedar eksklusif kenderaan Proton e.MAS di Malaysia, serta jenama smart untuk Malaysia dan Thailand. Misi PRO-NET adalah untuk menjadi peneraju dalam ekosistem tenaga baharu bagi penyelesaian automotif.

Skop perniagaan PRO-NET merangkumi pengedaran Kenderaan Tenaga Baharu (NEV), penyediaan penyelesaian pengecasan EV, pembekalan alat elektronik dan penyelesaian mobiliti, serta penjualan aksesori dan barangan. Proton e.MAS meliputi 17 pengedar, manakala smart meliputi 13 pengedar di seluruh negara.

smart #1 membuat penampilan sulung pada 23 November 2023, dan jenama Proton e.MAS dilancarkan pada 12 Jun 2024.

### **Proton e.MAS**

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

### **smart Malaysia**

Facebook: <https://www.facebook.com/profile.php?id=100086465554162>

Instagram: <https://www.instagram.com/smart.malaysia/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@smartmalaysia>

### **Issued by:**

#### **PRO-NET**

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-2194581

Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Chongreena Cirikwong

Assistant Manager, Public Relations & Branding

Telephone: +60123017258

Email: [reenacw@proton.com](mailto:reenacw@proton.com)